

Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri JIMK
Journal of Islam and Contemporary Society

<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

[THE CONCEPT OF ASABIYAH ACCORDING TO IBN KHALDUN]

KONSEP ASABIYAH MENURUT IBNU KHALDUN

HAFIZUDDIN SHAM SHUL BAHRI¹ & RAZALI MUSA¹

¹ Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus Terengganu, Malaysia

*Corresponding Author: deensham17@gmail.com

Received Date: 21 February 2022 • Accepted Date: 30 April 2022

Abstract

The understanding of the meaning of asabiyah is often understood as a spirit of racism and oppression against other races. It is as if the meaning of asabiyah gives a negative connotation in Islam. However, the famous Islamic sociologist, Ibn Khaldun saw asabiyah in terms of its role in developing Islamic civilization throughout history. Therefore, this paper attempts to analyze the fact of asabiyah from a positive point of view according to Ibn Khaldun and how it influenced society in the construction of Islamic civilization. The method used in the writing is based on the method of document analysis from sources related to asabiyah. The results of the study found that Ibn Khaldun has stated that asabiyah should be understood from a positive point of view so that asabiyah can be used for good in the state society. It is a foundation for unification and unity that has strengthened political power throughout the history of Islam.

Keywords: Asabiyah, Ibn Khaldun, Islamic Civilization

Abstrak

Pemahaman terhadap pengertian asabiyah seringkali difahami sebagai satu semangat perkauman dan penindasan terhadap bangsa lain. Seolah-olah pengertian asabiyah memberi konotasi yang negatif dalam Islam. Namun begitu, ahli sosiologi Islam yang terkenal, Ibnu Khaldun melihat asabiyah dari sudut peranannya membangunkan ketamadunan Islam sepanjang sejarah. Oleh kerana itu, kertas ini cuba menganalisis hakikat asabiyah dari sudut pandang positif menurut Ibnu Khaldun dan bagaimana ia mempengaruhi masyarakat dalam pembinaan tamadun Islam. Kaedah yang digunakan dalam penulisan adalah berdasarkan metod analisis dokumen daripada sumber-sumber yang berkaitan dengan asabiyah. Hasil kajian mendapati bahawa Ibnu Khaldun telah menyatakan asabiyah perlu difahami dari sudut pandang positif sehingga asabiyah dapat digunakan ke arah kebaikan dalam masyarakat bernegera. Ia merupakan satu asas bagi penyatuan dan perpaduan yang mengukuhkan sesuatu kekuasaan politik sepanjang sejarah Islam.

Kata kunci: Asabiyah, Ibnu Khaldun, Tamadun Islam.

Cite as: Hafizuddin Sham Shul Bahri & Razali Musa. 2022. [The Concept of Asabiyah According to Ibn Khaldun] Konsep Asabiyah Menurut Ibnu Khaldun. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporeri* 23(1): 145-156.

PENDAHULUAN

Zaman yang serba modern pada hari ini, menjadikan ilmu pengatahuan terus berkembang menjadi satu perkara penting dalam mendepani cabaran kehidupan. Tidak ketinggalan ilmu-ilmu tentang pemahaman berkenaan istilah-istilah yang memerlukan penjelasan yang lebih terperinci. Keterbatasan ilmu dalam masyarakat telah menjadikan tokoh-tokoh pemikiran Islam sebagai rujukan dalam memahami istilah-istilah yang sering digunakan. Hal ini termasuk dalam memahami istilah “asabiyah” yang sering dipadankan dengan erti perkauman dan penindasan. Oleh kerana itu tokoh sosiologi Islam yang terkenal iaitu Ibnu Khaldun telah menjelaskan erti sebenar asabiyah dan peranannya dalam sebuah karya yang cukup terkenal iaitu “Muqaddimah”. Satu buku yang banyak membicarakan soal kehidupan masyarakat yang akan menjadikan pemahaman manusia lebih luas dan sesuai dengan kemajuan.

Perkataan asabiyah jika difahami secara singkat ia akan membawa pengertian kepada “perkauman” dan “taksub” melampau terhadap satu bangsa, dan ia akan mengundang penindasan terhadap masyarakat yang tidak sealiran dengannya. Namun dengan berkembangnya ilmu pengetahuan saat ini, tokoh pemikiran Islam Ibnu Khaldun telah menjelaskan bahawa “asabiyah seharusnya difahami pada sudut pandang positif” dan tambahnya lagi “peranan asabiyah amatlah besar bagi menentukan kepimpinan negara” (Ibnu Khaldun, 2010).

Kenyataan ini menunjukkan bahawa asabiyah merupakan satu perkara yang perlu difahami secara luas dan dimanfaatkan peranannya dengan sebaiknya. Bertepatan dengan itu (Kamaruddin, 2016) menjelaskan bahawa asabiyah yang berunsur positif merupakan asabiyah yang telah didasari kepada agama. Hal ini menyebabkan asabiyah tersebut dapat mewujudkan perpaduan dan penyatuan dalam masyarakat.

Kekeliruan terhadap pemahaman asabiyah boleh menyebabkan lemahnya perpaduan dan kurangnya penyatuan. Hal yang lebih buruk adalah negara boleh dijatuhkan dan kepimpinan sesebuah negara tersebut akan diambil alih oleh pihak lain yang lebih kuat pengaruh asabiyahnya. Kertas ini akan cuba mengetengahkan “konsep asabiyah” yang terdapat dalam “Muqaddimah” berdasarkan kajian ilmiah yang dibuat oleh Ibnu Khaldun. Antara yang akan dipaparkan dalam kertas ini ialah biografi ringkas Ibnu Khaldun, pengertian asabiyah dari sudut bahasa dan istilah, serta akan dijelaskan kepentingan-kepentingan dalam memelihara asabiyah. Beberapa saranan turut dinyatakan agar pemahaman terhadap asabiyah yang berunsur negatif dapat dihindari dalam kehidupan masyarakat. Maka berdasarkan kenyataan yang dijelaskan, perlunya ada satu kefahaman yang lebih luas tentang asabiyah yang mesti dijelaskan secara ilmiah.

Pengertian Asabiyah

Kata dasar bagi perkataan asabiyah adalah berasal dari عصب ashaba yang memberi maksud ‘mengikat’. Manakala pengertian asabiyah pula memberi maksud taasub atau fanatic

perkauman (Abd Rauf, 2015). Dalam pengertian lain, asabiyah diertikan sebagai “fanatik keluarga” atau “golongan” (Mahmud Yunus, 2019). Kamus al-Marbawi mendefinisi asabiyah sebagai قَرَابَةٌ yang membawa maksud “kerabat” (Mohd Idris, 2019).

Catatan dalam Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar telah memaparkan pengertian Asabiyah dengan maksud “perpaduan dan fanatisme kesukuan atau golongan”. Fanatisme mewujudkan sikap pembelaan yang bersungguh-sungguh terhadap segala hal yang berkaitan dengan sukunya sendiri. Pembelaan tersebut adalah meliputi nilai tradisi, harta benda dan termasuklah kekuasaan. Sekiranya wujud ancaman dari kalangan suku lain, maka anggota suku tersebut akan bangkit melawan dan membincaskan siapa yang cuba mengancam sukunya (Abu Bakar, 2003).

Sebelum kedatangan Islam, bangsa Arab seringkali bermusuhan dan melakukan perperangan yang mengakibatkan pertumpahan darah. Hal ini terjadi disebabkan pengaruh suku kaum dan semangat asabiyah yang melampau (asabiyah jahiliah). Mengikut logik ketika itu, suku yang mempunyai kekuatan akan mengalahkan suku yang lemah. Maka suku yang kuat akan menjadi pemimpin dalam kalangan suku yang ditakluknya. Akan tetapi nabi Muhammad SAW telah melarang asabiyah yang bersifat sempit, tetapi menggalakkan asabiyah yang bertunjangkan semangat nasional yang berjiwa Islam (Abdul Hadi Awang, 2019)..

Asabiyah Menurut Ibnu Khaldun

Ibnu Khaldun dalam bukunya *Muqaddimah* menjelaskan bahawa sesebuah kabilah yang mempunyai kekuatan pegangan semangat asabiyah terhadap suku kaumnya adalah paling kuat bertahan walaupun berada dalam keadaan yang penuh kesukaran di padang pasir. Kekuatan sesebuah bangsa atau kaum mempunyai hubungan terhadap rasa hormat dan penghargaan kepada pemimpin. Hal ini seperti yang dibuktikan oleh kaum Badwi yang mampu bertahan dari serangan musuh disebabkan mereka mempunyai kekuatan dalam satu ikatan asabiyah dan satu keturunan. Kekuatan sebuah kelompok akan menjadi lebih kuat dan dihormati apabila setiap orang mempunyai cinta dan kasih pada keluarga sehingga merasakan kelompoknya lebih penting dari segala perkara yang lain (Ibnu Khaldun, 2010).

Allah SWT berfirman:

قَالُوا لَئِنْ أَكَلَهُ الْذَّبَابُ وَنَحْنُ عُصَبَةٌ إِنَّا إِذَا لَخَسِرُونَ

Maksudnya: “Sesungguhnya mereka berkata, jika dia dimakan serigala, padahal kami segolongan (usbah), sungguh kami orang-orang yang merugikan”

(Surah Yusuf: 14)

Bertitik tolak dari dalil yang dinyatakan, maka dapat difahami bahawa yang dimaksudkan ayat tersebut adalah hidup secara bersatu padu dalam satu kumpulan akan mewujudkan kekuatan dan keteguhan. Namun sebaliknya jika manusia itu bersendirian maka

akan berlakulah kelemahan dan kekurangan pada diri atau pada kelompok itu sendiri. Konsep asabiyah yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun menunjukkan asabiyah mempunyai hubungan dan telah menjadi perkara penting dalam perkembangan masyarakat dan negara. Menurut Ibnu Khaldun, tujuan asabiyah adalah untuk mencapai kekuasaan negara demi kebaikan rakyat. Maka asabiyah tidak boleh difahami terbatas pada kekuatan fizikal semata-mata. Sebaliknya asabiyah itu harus mempunyai aspek moral seperti agama dan akhlak (Ibnu Khaldun, 2010).

Istilah asabiyah seperti yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun dalam bukunya *Muqaddimah* mempunyai kaitan dengan perkembangan masyarakat dan negara. Jelas Ibnu Khaldun, tujuan asabiyah adalah kekuasaan negara demi kebaikan rakyat (Abu Bakar, 2003). Ibnu Khaldun mendefinisikan asabiyah kepada dua pengertian, iaitu asabiyah positif dan juga negatif, dengan kata lainnya ialah asabiyah *Islamiah*, dan asabiyah *Jahiliah* (Muhd Ilham, 2016).

Pengertian asabiyah *Islamiah* adalah merujuk kepada konsep persaudaraan. Ia seperti yang tercatat dalam sejarah peradaban Islam yang telah menunjukkan pembentukan perpaduan sosial masyarakat dengan sifat saling bekerjasama tanpa ada kepentingan pribadi disamping membantu antara satu sama lain. Semangat ini telah membawa hasil dengan kekuatan asabiyah *Islamiah* yang dibentuk. Pengertian kedua adalah asabiyah *Jahiliah* yang menunjukkan semangat yang didasari kesetiaan dan fanatisme secara membawa tuli yang turut tidak mengambil kira aspek kebenaran dan keadilan. Pengertian asabiyah yang kedua ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan ia sekaligus tidak dikehendaki dalam sistem pemerintahan Islam. Keadaan ini disebabkan asabiyah *Jahiliah* telah melangkaui batasan agama dengan tidak mempedulikan kebenaran dan keadilan. Pemikiran Ibnu Khaldun tentang asabiyah dan negara mempunyai pengaruh yang sangat signifikan bagi tercapainya kekuasaan dan kelangsungan politik. Jelas beliau bahawa kunci utama dalam menjaga kestabilan, hubungan kaum dan kelangsungan sesebuah negara itu terletak pada elemen asabiyah tersebut, terutamanya melalui tauladan pemimpin dalam menjaga kelangsungan peranan asabiyah itu sendiri (Ibnu Khaldun, 2010).

Hakikat kemenangan yang mendorong sebuah kerajaan meraih kekuasaan adalah melalui peranan besar dari asabiyah yang turut disertakan dengan elemen patriotisme, berani dan mempunyai jiwa yang kental dalam diri. Hal ini dibuktikan dengan kejayaan bangsa Arab ketika menakluk Parsi dan Rom satu ketika dahulu, bahkan dengan kejayaan itu, bangsa Arab dapat menggunakan serta memanfaatkan kelebihan yang ada pada masyarakat di bawah taklukannya untuk digunakan sebagai penambahbaik dan meningkatkan mutu pentadbiran mereka (Ibnu Khaldun, 2010).

Manakala hubungan asabiyah dan agama adalah satu perkara yang perlu difahami secara adil. Bahkan ditegaskan bahawa asabiyah yang didasari dengan sifat sombang dan angkuh adalah merupakan asabiyah yang dilarang serta merupakan asabiyah yang wujud dan berkembang pada zaman jahiliah. Adapun asabiyah yang didasari oleh kebenaran dan keadilan, maka asabiyah tersebut adalah dibenarkan selagi mana ia tidak bercanggah dengan prinsip agama Islam (Kamaruddin, 2016).

Jelas Ibnu Khaldun kejahatan akan menguasai diri manusia sekiranya manusia mengabaikan dan tidak berpandukan pada ajaran agama dalam memperbaiki diri. Sifat kezaliman dan sikap sering bermusuhan adalah salah satu sikap yang ada pada diri manusia. Jika pandangan mata seseorang tertuju pada harta benda saudaranya, maka tangan akan

menjulur untuk mengambilnya, kecuali bagi orang yang mempunyai kesedaran untuk melarang dari melakukannya (Ibnu Khaldun, 2010). Maka bertitik tolak dari kenyataan ini dapat difahami bahawa ada dua pecahan makna asabiyah yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Ia menunjukkan pengertian asabiyah mempunyai unsur yang baik dan juga mempunyai unsur yang tidak baik.

Boleh disimpulkan daripada penjelasan Ibn Khaldun tentang asabiyah, ialah semangat asabiyah menyebabkan sesuatu kabilah menjadi kuat, kerana konsep persaudaraan yang menghubungkan antara mereka. Oleh kerana itu, ia mempunyai pengaruh yang sangat signifikan bagi tercapainya kekuasaan dan kelangsungan politik. Contohnya kejayaan bangsa Arab ketika menakluk Parsi dan Rom satu ketika dahulu. Semangat asabiyah juga mesti didasari oleh kebenaran dan keadilan bagi menjamin kejayaan.

Kepentingan Asabiyah

Asabiyah merupakan perkara yang semulajadi ada dalam diri manusia disebabkan pertalian darah dan perkauman. Namun sejarah sebelum kedatangan Islam, bangsa arab sering melakukan perperangan dan pertumpahan darah di antara suku yang dipengaruhi oleh asabiyah dengan semangat kesukuan yang melampau (asabiyah jahiliah). Secara adat ketika itu suku kuat akan mengalahkan suku lemah, kemudian suku yang kuat tersebut akan menjadi pemimpin dalam kalangan suku yang ditakluknya. Walau bagaimanapun, Nabi SAW melarang asabiyah bersifat sempit dan menggalakkan asabiyah yang bertunjangkan semangat nasionalisme yang berjiwa Islam (Abu Bakar Ismail, 2003).

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa sesebuah kerajaan atau pemerintahan tidak dapat ditegakkan tanpa sokongan dan dukungan dari kumpulan yang mempunyai semangat asabiyah. Hal ini menunjukkan bahawa setiap kekuasaan dan kejayaan yang diimpikan akan dapat dicapai melalui semangat asabiyah. Perkara yang perlu diketahui berkenaan asabiyah adalah mereka mempunyai jiwa yang besar dan menjaga hubungan antara satu sama lain serta mempunyai semangat kenegaraan yang tinggi dalam jati diri sehingga pengaruh luar dari semangat asabiyah yang lain tidak mampu mempengaruhi mereka.

Puncak kekuasaan adalah impian bagi setiap orang, namun ia tidak akan dicapai tanpa peranan asabiyah. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa generasi yang kemudian adakala terlupa terhadap pengorbanan yang dilalui oleh generasi awal yang menubuhkan kerajaan. Bahkan ramai yang hanya beranggapan kekuasaan itu akan diserahkan kepada generasi sesudahnya tanpa memahami tanggungjawab terhadap asabiyah yang perlu dipelihara. Hasil usaha dan semangat asabiyah maka lahirlah pemerintahan dan kerajaan yang diharungi generasi awal dengan pelbagai perjuangan, penderitaan dan pengorbanan. Ibnu Khaldun memberikan peringatan dengan membawa contoh masyarakat Andalus yang telah melupakan semangat asabiyah serta pengaruhnya yang akhirnya tanah dan negeri mereka hancur bersama hancurnya semangat asabiyah yang ada sebelumnya (Ibnu Khaldun, 2010).

Asabiyah mempunyai peranan besar dalam perluasan negara serta menjadi kayu ukur terhadap kekuatan dalam sesebuah negara (Kamaruddin: 2016). Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa tujuan asabiyah adalah meraih kekuasaan dan melaksanakan tuntutan ajaran Islam. Dengan demikian asabiyah dapat memberi manfaat kepada Islam secara khusus dan masyarakat secara umumnya. Perkara ini dibuktikan dengan sejarah bantuan dan perlindungan dari Bani

Hashim pada sejarah pergerakan awal Islam di Mekah. Ketika itu banginda Nabi Muhammad SAW dan orang-orang Islam telah dipulau secara sekatan ekonomi oleh penduduk setempat (Norsazali, 2005).

Asabiyah merupakan elemen asas yang diperlukan untuk mendorong seseorang meraih puncak kekuasaan. Ia dinyatakan oleh Ibnu Khaldun bahawa asabiyah adalah penting khususnya pada fasa pembentukan negara. Namun setelah kekuasaan itu dicapai, maka perpaduan haruslah lebih besar dan bersifat menyeluruh seperti semangat kebangsaan yang ada pada pengertian nasionalisme (Abu Bakar Ismail, 2003).

Bagi mendapatkan kestabilan pada asabiyah, agama telah berperanan besar dan telah menjadi perkara penting dalam diri setiap pendiri asabiyah. Ini kerana agama menjadi panduan agar orang yang memilik kekuasaan asabiyah tidak asyik dengan kemewahan. Ibnu Khaldun menegaskan bahawa pemerintahan yang di dukung oleh semangat asabiyah yang disertakan peranan agama bersamanya adalah lebih kuat dan mempunyai peluang lebih cerah untuk mengalahkan musuh walaupun pihak musuh memiliki jumlah tentera yang lebih besar. Perkara ini dibuktikan pada sejarah awal Islam. Ketika itu tentera Islam mempunyai jumlah bilangan yang lebih sedikit jika dibandingkan dengan tentera Parsi atau Herculans yang mempunyai jumlah ketenteraan yang beratus-ratus ribu. Namun dengan jumlah pihak lawan yang begitu ramai pasukan tentera Islam tidak takut malah mampu menguasai dan mengalahkan pihak lawan.

Nabi SAW bersabda:

ما بعث الله به بعد نبياً إلّا في ثروة من قومه

Maksudnya: “Maka Allah tidaklah mengutuskan Rasul selepasnya melainkan bersama kekuatan kaum bangsanya”

(Jami' At-Tirmidzi, 3116).

Ini menunjukkan bahawa setiap Nabi yang diutuskan oleh Allah SWT dipengaruhi peranan kaumnya. Keadaan ini juga berlaku kepada Nabi Muhammad SAW yang telah melalui jalan dakwahnya dengan mendapat sokongan dari kaum keluarganya dan mempunyai dukungan dari kelompok asabiyah yang berbagai. Ibnu Khaldun menyatakan bahawa asabiyah mempunyai peranan yang besar dalam dakwah Islam. Walau bagaimanapun, kepentingan terhadap asabiyah perlu diambil kira demi mendapatkan kejayaan dalam dakwah. Sebaliknya jika kepentingan asabiyah di abaikan ia boleh mengundang kegagalan dan kebinasaan yang turut akan menjatuhkan diri sendiri (Ibnu Khaldun, 2010).

Kerajaan yang berjaya dalam meluaskan wilayah dan tempoh pemerintahan adalah bertitik tolak dari kekuatan dan kelemahan kepada pusat pemerintahan. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa kesempurnaan terhadap sesebuah kekuasaan tidak dapat diwujudkan tanpa dukungan kuat dari kelompok asabiyah, bahkan orang yang memiliki semangat asabiyah adalah merupakan tonggak kerajaan. Oleh kerana itu, orang seperti mereka ini perlu berada di setiap wilayah dan negeri yang dikuasai pemerintah. Perkara ini menunjukkan bahawa sesebuah kerajaan yang mempunyai kekuatan dan semangat asabiyah yang besar akan menjadi memiliki

sebuah kerajaan yang kukuh pada setiap wilayah kekuasaannya.

Hadis berkenaan “Kepimpinan dari kalangan Quraish” telah menjadikan kaum Quraish mempunyai kelebihan yang besar. Namun ketika kaum Quraish mula mengalami kelemahan, yang turut menghilangkan semangat asabiyahnya disebabkan tenggelam dengan kemewahan hidup yang penuh dengan kesenangan dan kenikmatan. Maka ia telah menyebabkan kaum Quraish lemah dan tidak lagi berdaya untuk mengendalikan pemerintahan negara, dan akhirnya mereka (kaum Quraish) dikalahkan oleh bangsa-bangsa yang bukan Arab. Keadaan ini telah mengundang para ulama untuk meneliti dan menyemak kembali syarat dan kriteria pemimpin yang bersandarkan petikan hadis “Kepimpinan dari kalangan Quraish” (Ibnu Khaldun, 2010). Hasilnya para ulama berpendapat bahawa memiliki jalur keturunan Quraish adalah tidak lagi termasuk pada kriteria untuk menjadi pemimpin. Pandangan ulama ini berdasarkan pesanan Sabda Nabi SAW:

اسمعوا وأطِيعُوا وَإِنْ وَلِيَ عَلَيْكُمْ عَبْدٌ حَسْنِيٌّ ذُو زَيْنَةٍ

Maksudnya: “Dengar dan taatlah apabila seorang hamba sahaya dari Habasyah yang berkulit hitam diangkat menjadi pemimpin kalian” (Al-Bukhari: 693).

Hadis ini memaparkan perumpamaan dengan tujuan mubalaghah dan penganjuran untuk umat Islam supaya tunduk patuh dan taat pada pemimpin. Sementara itu Al-Qadhi Abu Bakar Al-Baqillani telah menjadi antara ulama yang membantalkan syarat-syarat pemimpin dari kalangan Quraish. Beliau membantalkan syarat tersebut dengan mengambil kira serta melihat semangat asabiyah yang ada pada kaum Quraish telah lemah dan hilang sekaligus telah menyebabkan pemerintahan kaum Arab Quraish diganti dari kalangan bukan Arab. Manakala sebahagian ulamak yang lain masih lagi mensyaratkan kriteria kaum Quraish untuk dijadikan pemimpin walaupun mereka tidak mampu menangani permasalahan yang dihadapi kaum Muslim. Namun Ibnu Khaldun menyanggah pendapat ini kerana ia bertentangan dengan kriteria ‘ketegasan’ pemimpin. Ini kerana jika kekuasaan hilang, maka ketegasan juga akan hilang. Hal ini mendorong hilangnya kriteria-kriteria lain seperti mempunyai ilmu pengatahuan dan keagamaan yang akan memberi kesan yang lebih buruk (Ibnu Khaldun, 2010).

“Setiap hukum-hukum syariat itu mempunyai tujuan dan hikmah yang terselit di dalamnya”. Maka Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa dalam memahami penetapan kepimpinan dari kalangan Quraish sudah tentu ia mempunyai tujuan dan hikmahnya yang tersendiri. Penetapan kepimpinan dari kalangan kaum Quraish bukan sekadar mengharapkan Tabarruk (keberkatan) dari keturunan Nabi semata-mata, sebaliknya tujuan dan hikmah yang lebih besar dari itu perlu difahami kerana Tabarruk (keberkatan) bukanlah dari tujuan syariat (Ibnu Khaldun, 2010).

Seperti yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun, bahawa sekecil apapun perkara yang berlaku pasti ada hikmah di sebaliknya. Maka hikmahnya yang dapat dilihat pada asabiyah di antaranya adalah terdapatnya perlindungan, dan asabiyah mempunyai peranan dalam menuntut hak serta membela diri. Selain dari itu jika asabiyah dimiliki oleh orang menduduki jawatan sebagai pemimpin maka asabiyah boleh dijadikan sebagai alat untuk menghapus pertelingkahan dan perpecahan yang berlaku. Dengan demikian, suasana yang harmoni dan baik dalam

kalangan masyarakat dapat diwujudkan (Ibnu Khaldun, 2010).

Pemilihan kaum Quraish menjadi pemimpin adalah berdasarkan kehormatan yang dimilikinya jika dibandingkan dengan kaum lain yang ada ketika itu. Faktor asabiyah yang kuat pada kaum Quraish, serta memiliki dukungan yang banyak dari oleh suku bangsa Arab yang mengakui kemuliannya. Dengan kekuatan yang ada pada kaum Quraish mereka mampu untuk menguasai cabang-cabang kaum lain, sehingga segala pandangan serta persepsi dapat disatuakan, dan ia telah memudahkan mereka bagi meraih penyatuan dengan pelbagai suku kaum yang lain. Hal ini telah melahirkan perasaan aman dan tenteram di bawah pemerintahan kaum Quraish (Ibnu Khaldun, 2010).

Penyatuan bangsa dapat mewujudkan negara yang kuat. Hal ini dibuktikan pada era penaklukan bangsa Arab ke atas wilayah-wilayah taklukannya. Penyatuan itu juga mewujudkan kekuatan ketenteraan sehingga mereka dapat membahagikan kekuatan tentera pada setiap penjuru negeri di bawah pemerintahan mereka. Adapun kepimpinan pemerintahan itu tetap berdasarkan pada pandangan syariat, kerana dengan syariat kesatuan masyarakat dapat dijaga sekaligus syariat dijadikan sebagai rujukan bagi menghindari dari berlakunya pertembungan dalam satu-satu perkara. Hasilnya penyatuan, asabiyah dan perlindungan dapat dibina dan diperkuuhkan dengan sebaiknya (Ibnu Khaldun, 2010).

Manakala Ibnu Ishak menyatakan dalam karangan As-Siyar bahawa tujuan penetapan syarat kaum Quraish adalah bertujuan untuk menghindari konflik daripada berlaku. Maka kekuatan asabiyah yang dimiliki oleh kaum Quraish dapat meredakan perkara tersebut. Maka berdasarkan penetapan kaum Quraish menjadi pemimpin, Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa tujuannya adalah berdasarkan kelebihan pada majoriti yang ada pada kaum Quraish. Faktor dominan menjadi aspek yang penting dalam menguruskan hal ehwal manusia. Maka ia mesti berasal dari bangsa yang mempunyai semangat asabiyah yang kuat serta mampu menguasai asabiyah-asabiyah yang lain dengan tujuan untuk mewujudkan penyatuan dan memberi perlindungan pada mereka (Ibnu Khaldun, 2010).

Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW mencela sifat asabiyah dan menganjurkan supaya menghilangkan serta meninggalkan asabiyah. Nabi SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ قَدْ أَذَبَ عَنْكُمْ عُيُّبَةَ الْجَاهِلِيَّةِ وَفَحْرَهَا بِالْأَبَاءِ: مُؤْمِنٌ تَقِيٌّ، وَفَاجِرٌ شَقِيٌّ: أَنْتُمْ
بَنُو آدَمْ وَآدَمُ مِنْ تُرَابٍ لَّيَدَعَنَّ رِجَالٌ فَحْرُهُمْ بِأَقْوَامٍ، إِنَّمَا هُمْ فَحْمٌ مِنْ فَحْمٍ جَهَنَّمَ، أَوْ لَيْكُونُنَّ
أَهْوَانَ عَلَى اللَّهِ مِنَ الْجِعْلَانِ الَّتِي تَدْفَعُ بِأَنْفَهَا النَّتَّانَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah SWT menghilangkan keangkuhan Jahiliyyah dan berbanga-bangsa terhadap nenek moyang. Yang ada adalah orang beriman yang bertaqwa dan orang jahat yang celaka. Kalian adalah anak cucu keturunan Nabi Adam AS dan Nabi Adam adalah berasal dari tanah. Oleh karena itu, hendaknya seseorang meninggalkan rasa kebanggaan mereka terhadap kaumnya, karena ia hanyalah arang dari arang-arang dari Neraka Jahannam. Atau, ia di sisi Allah SWT lebih hina daripada lalat-lalat yang membawa kotoran dengan mereka”

(Albani: 1787).

Firman Allah SWT:

يَأَيُّهَا النَّاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُم مِّنْ ذَرَّةٍ وَّأَنْشَأْنَا وَجْهَنَّمَ شُعُوبًا وَّقَبَائِلَ لِتَعْارِفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَنْفُسُكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ حَسِيرٌ

Maksudnya: “Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu, (bukan yang lebih keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya (akan keadaan dan amalan kamu).”

(Al-Hujurat :13).

Larangan serta celaan terhadap asabiyah ini adalah bukan bererti meninggalkan kebaikan yang ada pada asabiyah. Ini kerena jika sesuatu perkara yang boleh dimanfaatkan untuk kebaikan pada agama maka ia adalah baik untuk diperjuangkan. Hal ini dapat difahami melalui celaan Allah SWT terhadap sifat marah yang dipengaruhi syaitan. Namun Allah SWT tidak mencela sifat marah dan tegas yang bertujuan meninggikan kedudukan agama Islam. Sebaliknya jika sifat marah dan tegas tidak ada dalam diri orang Islam, maka akan lemahlah kemampuan orang Islam untuk mencapai kemenangan dalam perjuangan menegakkan agama Allah SWT (Ibnu Khaldun, 2010).

Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa jika kemarahan itu dipengaruhi syaitan, maka ia adalah sifat yang tercela, sebaliknya jika kemarahan itu adalah kerana Allah dan untuk Allah, maka sifat marah ketika itu adalah terpuji, bahkan Nabi SAW juga mempunyai sifat marah dan tegas dalam tindakannya. Maka atas dasar ini, perkara yang sama juga berlaku pada semangat asabiyah. Syariat mencelanya dan ia dibuktikan dengan Firman Allah SWT:

لَنْ تَنْفَعُكُمْ أَرْحَامُكُمْ وَلَا أُولُودُكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ يُفْصَلُ بَيْنُكُمْ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ

Maksudnya: “Kaum kerabat kamu dan anak-anak kamu (yang tidak menurut kamu beriman) tidak sekali-kali akan mendatangkan sebarang faedah kepada kamu pada hari kiamat; Allah akan memisahkan di antara kamu semua (pada hari itu) dan (ingatlah), Allah Maha Melihat segala yang kamu kerjakan”

(Surah Mumtahanah: 3).

Namun ia perlu difahami bahawa maksud semangat asabiyah yang dinyatakan adalah yang dipengaruhi oleh sifat-sifat buruk dan ia digunakan untuk pembohongan serta kejahatan. Ini kerana banyaknya terjadi sejak zaman Jahiliyyah iaitu seseorang berbangga-bangga terhadap nasab keturunan serta sompong dengan yang lainnya. Sedangkan keangkuhan dan kesombongan disebabkan keturunan dan semangat asabiyah adalah tidak bermanfaat apapun

pada hari akhirat kelak yang akan menjadi tempat tinggal selamanya. Walau bagaimanapun jika asabiyah itu digunakan untuk kebenaran serta untuk menegakkan agama Allah SWT, maka perkara itu adalah amat dituntut kerana jika asabiyah tidak ada, maka syariat-syariat tidak dapat disebarluaskan dengan sebaiknya. Oleh yang demikian, ia tetap memerlukan sokongan dan dukungan dari semangat asabiyah (Ibnu Khaldun, 2010).

Ibnu Khaldun menjelaskan sesebuah negara yang didirikan atas dua dasar utama. Pertama kekuatan asabiyah yang dijaga merupakan kekuatan bagi sesebuah kerajaan, Kedua, harta kekayaan. Kekayaan menjadi asas untuk kekuatan bagi sesebuah negara dalam pelbagai situasi seperti yang diperlukan oleh sang raja pemerintah. Jika berlaku kelemahan atau kemunduran pada sesebuah negara, maka yang paling terkesan adalah dua faktor ini. Seperti yang ditegaskan oleh Ibnu Khaldun bahawa sesebuah kerajaan harus mempunyai satu asabiyah yang besar dan kuat, serta dapat menyatupadukan asabiyah-asabiyah lain untuk bekerjasama (Ibnu Khaldun, 2010).

Asabiyah yang baik adalah asabiyah yang mempunyai kekuasaan dengan karakter yang baik. Bahkan memiliki karakter yang baik merupakan satu keperluan yang patut ada pada jiwa pemimpin asabiyah yang baik. Sikap positif yang pada asabiyah akan diteladani oleh para pengikutnya. Namun jika asabiyah itu dipengaruhi oleh karakter yang tak baik, maka ia akan mendorong kerosakan pada kekuasaan dan kedudukan sesebuah asabiyah. Ibnu Khaldun menjelaskan bahawa sesiapa yang memiliki asabiyah yang disertakan padanya kekuasaan Allah SWT, dengan berpandukan pada perintah dan suruhan Allah SWT, maka seseorang itu telah layak untuk memikul tanggungjawab sebagai khalifah Allah SWT (Ibnu Khaldun, 2010). Maka dari kenyataan ini, jelaslah bahawa mempunyai karakter yang baik merupakan salah satu perkara penting untuk mencapai puncak kekuasaan pada asabiyah.

Penutup

Bertitik tolak dari kenyataan yang dijelaskan, boleh disimpulkan bahawa konsep asabiyah menurut Ibnu Khaldun mempunyai dua gambaran utama. Iaitu asabiyah positif dan asabiyah negatif, dengan kata lainnya ialah asabiyah Islamiah, dan asabiyah Jahiliah. Secara kesimpulan asabiyah yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun adalah seperti berikut:

Pertama asabiyah positif atau asabiyah Islamiah yang merujuk pada konsep persaudaraan. Hal ini seperti yang tercatat dalam sejarah peradaban Islam yang telah menunjukkan pertumbuhan perpaduan sosial masyarakat dengan sifat saling bekerjasama tanpa ada kepentingan pribadi disamping membantu antara satu sama lain. Semangat ini telah membentuk hasil dengan kekuatan asabiyah Islamiah yang dibentuk.

Kedua asabiyah negatif atau asabiyah Jahiliah yang merujuk kepada semangat yang di dasari kesetiaan dan fanatisme secara membuat tuli yang turut tidak mengambil peduli aspek kebenaran dan keadilan. Pengertian asabiyah yang kedua ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam dan ia sekaligus tidak dikehendaki dalam sistem pemerintahan Islam. Hal ini disebabkan asabiyah Jahiliah telah melangkaui batasan agama dengan tidak mempedulikan kebenaran dan keadilan.

Manakala alasan kepentingan terhadap asabiyah pula Ibnu Khaldun mengemukakan dua perkara asas. Pertama, ketika manusia ingin mendirikan sesebuah kerajaan, peranan asabiyah

adalah amatlah diperlukan, bahkan tanpa peranan asabiyah sesebuah kerajaan tidak dapat dibentuk secara kukuh. Kedua, ketika proses mendirikan pemerintahan, manusia secara adatnya akan melalui perjuangan dan pengorbanan yang cukup besar dalam kehidupan, sehingga adakalanya jiwa dan raga dijadikan taruhan. Maka ia menunjukkan peranan yang besar pada asabiyah bagi meraih sokongan dan dukungan untuk mewujudkan pemerintahan dalam sesebuah negara.

Hakikat yang perlu difahami, bahawa tujuan asabiyah yang dinyatakan oleh Ibnu Khaldun adalah untuk mencapai kekuasaan negara demi kebaikan masyarakat. Oleh kerana itu asabiyah tidak boleh difahami sebatas pada kekuatan fizikal semata-mata. Sebaliknya asabiyah itu harus mempunyai aspek moral seperti agama dan akhlak. Maka dari kenyataan ini dapat diketahui bahawa ada dua pecahan makna asabiyah yang dikemukakan oleh Ibnu Khaldun. Ia menunjukkan pengertian asabiyah mempunyai unsur yang baik dan juga mempunyai unsur yang tidak baik.

Pemikiran Ibnu Khaldun tentang asabiyah seperti ini, menunjukkan bahawa pemahaman tentang asabiyah amatlah luas, bahkan ia menjadi suatu keperluan utama dalam mencapai kekuasaan yang sebenar. Maka asabiyah yang didirikan atas dasar semangat kebangsaan dan berpandukan kepada ajaran Islam akan mewujudkan satu kuasa besar secara teorinya. Pengertian yang dijelaskan oleh Ibnu Khaldun ini membuktikan kepada dunia bahawa Islam mempunyai tokoh pemikiran yang idealis, walaupun Ibnu Khaldun hidup dalam keadaan yang penuh cabaran sepanjang perjalanan hidupnya, semua itu tidak mematahkan semangat beliau, bahkan dengan keadaan itu beliau melahirkan idea-idea dan perkembangan ilmu pengetahuan yang cukup bermanfaat sehingga hari ini.

RUJUKAN

- Abd Rauf, Abdul Halim Salleh, Khairul Amin Mohd Zain & Wan Norainawati Hamzah. 2015. *Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Arab Bahasa Arab- Bahasa Melayu*. Selangor: Vivar Printing Sdn. Bhd.
- Abdul Hadi Awang. 2019. *Bicara Ini Demi Perpaduan*. Selangor: Grup Buku Karangkraf.
- Abu Bakar Ismail, Ade Armando, Ahmad Gaus A.F, Edi Surdarjat, Elis Nurhayati H., Idris Thaha, Kautsar Azhari Noer, Mun'im A.Sirry, Luthfi Assaukanie, Nasaruddin Umar, Nasrullah Alief, Smith Alhadar. 2003. *Ensiklopedia Islam Untuk Pelajar*. Kuala Lumpur: Era Visi Publication.
- Ali Farhan. 2016. Hermeneutika Romantik Schleiermacher Mengenai Laba dalam Muqaddimah Ibnu Khaldun. *Jurnal Akuntansi Multiparadigma* 7(1).
- Desy Rizkayah. 2015. *Konsep Keadilan Menurut Ibnu Khaldun dan Relevansinya Bagi Kehidupan Sosial Modern*, Skripsi UIN Raden Fatah Palembang, Indonesia.
- Hafidz Hasyim. 2012. *Watak Peradaban Dalam Epistemology Ibnu Khaldun*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ibnu Khaldun. 2010. *Muqaddimah Ibnu Khaldun*. Kaherah: Darul Taufiqiyyah Lilturash.
- Kamaruddin. 2016. Pemikiran Politik Ibnu Khaldun dan Pembentukan Teori Sosiologi Politik. *Jurnal Ilmu Agama, Mengkaji Doktrin, Pemikiran, dan Fenomena Agama* 16(2).
- Mahmud Yunus. 2016. *Kamus Mahmud Yunus Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.

- Mohd Idris Abdul Rauf Al-Marbawi. 2019. *Kamus Idris Al-Marbawi*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.
- Mugiyono. 2016. Relasi Nasionalisme dan Islam Serta Pengaruhnya Terhadap Kebangkitan Dunia Islam Global. *Jurnal Ilmu Agama, Mengkaji Doktrin, Pemikiran, dan Fenomena Agama* 15(2): 97-115.
- Muh Ilham. 2016. Konsep Ashabiyah Dalam Pemikiran Politik Ibnu Khaldun. *Jurnal Politik Profetik* 4(1).
- Muhammad Abdullah Enan. 2013. *Biografi Ibnu Khaldun: Kehidupan dan Karya Bapak Sosiologi Dunia*. Jakarta: Zaman.
- Muhammad Zailani Putra. 2019. *Keruntuhan Dinasti Al-Muwahidun Menurut Ibnu Khaldun*, Skripsi IAIN Palangka Raya, Indonesia.
- Norsazali Bin Abdullah. (2005). *Perspektif Melayu, Barat dan Islam Mengenai Nasionalisme: Satu Kajian Perbandingan*. Thesis Master, Kuala Lumpur: UM.
- Siti Fauziah U. 2018. *Konsep Pendidikan Menurut Pemikiran Ibnu Khaldun Dalam Kitab Muqaddimah*, Skripsi Universitas Islam Negeri Sumatera Utara Medan, Indonesia.